

DATE	3 / 10 / 2012	SECTION	National
PAGE	3	COLUMN	Tempatan

## Tabung Haji akan sempurnakan ibadah badal haji jemaah meninggal dunia

MAKKAH: Tabung Haji akan menyempurnakan ibadah badal haji jemaah Malaysia yang meninggal dunia sebelum sempat melaksanakan rukun Haji Wukuf di padang Arafah pada 9 Zülhijjah atau bersamaan 25 Okt.

Timbalan Ketua Rombongan Haji Malaysia Tengku Aziz Raja Abdullah berkata kos bagi badal haji untuk mereka yang meninggal dunia itu akan dibiayai menerusi tabung kebajikan Tabung Haji.

"Bagaimanapun ini bergantung kepada kebenaran waris jemaah haji berkenaan. Setakat ini tiga orang jemaah haji Malaysia meninggal dunia di tanah suci," katanya kepada wartawan Malaysia di sini yang membuat liputan musim haji tahun ini.

Dalam pada itu, katanya, pihak Tabung Haji menetapkan bayaran sebanyak RM2,500 bagi mereka yang ingin mewakili Tabung Haji untuk melaksanakan upah haji tahun ini bagi anggota keluarga yang meninggal dunia.

Pembayaran boleh dibuat di mana-mana pejabat Tabung Haji di tanah air, katanya. - Bernama